

DR. 42/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN  
(TABUNG ANTARABANGSA BAGI  
PEMBANGUNAN PERTANIAN) 1991

SUSUNAN PASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Kerajaan untuk meminjam daripada Tabung.
4. Kuasa untuk mengeluarkan suratcara termasuk bon.
5. Peminjaman oleh pihak berkuasa berkanun daripada Tabung.
6. Penggunaan wang pinjaman oleh pihak berkuasa berkanun.
7. Kuasa Kerajaan untuk menjamin pinjaman oleh Tabung kepada pihak-pihak berkuasa berkanun.
8. Sekatan ke atas kuasa-kuasa meminjam bagi pihak berkuasa berkanun selagi jaminan masih belum selesai.
9. Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan jika berlaku atau dijangkakan berlaku keingkaran oleh pihak berkuasa berkanun.
10. Pihak berkuasa berkanun hendaklah membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dibayar di bawah jaminan.
11. Timbangtara.
12. Pelaksanaan obligasi di bawah perjanjian.

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk Malaysia atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu memperdapatkan pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dan untuk perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991. Tajuk ringkas dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Kumpulan Wang Disatukan" ertinya Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan yang ditubuhkan di bawah Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"pihak berkuasa berkanun" ertinya suatu pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pertubuhan yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang

bertulis dan menjalankan kuasa-kuasa yang terletak pada pertubuhan tersebut oleh undang-undang bagi maksud awam;

"Tabung" ertinya Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian.

Kuasa Kerajaan untuk meminjam dan pada Tabung.

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta ini, Kerajaan boleh mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara Kerajaan dengan Tabung meminjam daripada Tabung dari semasa ke semasa apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Akta 70.

(2) Semua wang yang dipinjam oleh Kerajaan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan hendaklah, walau apa pun seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, digunakan dan adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang baginya wang itu dipinjam:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana bahagian wang itu tidak dapat digunakan bagi maksud-maksud yang disebut terdahulu bahagian itu bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Menteri dan Tabung.

(3) Apa-apa perjanjian di antara Kerajaan dengan Tabung berkenaan dengan wang yang dipinjam di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri atau oleh mana-mana orang yang diberikuasa secara bertulis oleh Menteri.

(4) Suatu salinan mana-mana perjanjian yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh atau mengurangkan apa-apa kuasa lain untuk meminjam wang yang ada pada Kerajaan.

4. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, Kerajaan boleh mengeluarkan apa-apa bon, nota janji hutang atau suratcara-suratcara lain atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan terma-terma mana-mana perjanjian yang dibuat olehnya dengan Tabung berkenaan dengan apa-apa peminjaman di bawah seksyen 3(1).

Kuasa untuk mengeluarkan suratcara termasuk bon.

(2) Mana-mana bon, nota janji hutang atau suratcara lain itu boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri atau oleh mana-mana orang lain yang diberikuasa secara bertulis oleh Menteri.

5. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta ini, pihak berkuasa berkanun boleh, mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara pihak berkuasa berkanun itu dengan Tabung dan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri, meminjam daripada Tabung dari semasa ke semasa apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkanun itu.

Peminjaman oleh pihak berkuasa berkanun daripada Tabung.

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang menurutnya sesuatu pihak berkuasa berkanun telah ditubuhkan, apa-apa perjanjian di antara pihak berkuasa berkanun itu dengan Tabung hendaklah sah dan mengikat pihak berkuasa berkanun tersebut jika ditandatangani bagi pihak berkuasa berkanun itu oleh seseorang yang diberikuasa secara bertulis di bawah meterai pihak berkuasa berkanun tersebut.

(3) Kuasa untuk meminjam di bawah seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa untuk meminjam yang diberi kepada pihak berkuasa

berkanun tersebut oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang menurutnya sesuatu pihak berkuasa berkanun telah ditubuhkan, pihak berkuasa berkanun itu boleh menggadaikan atau menggadai-janjikan segala atau mana-mana harta (harta alih atau harta tak alih) akujanji atau hasilnya bagi menjamin apa-apa jumlah wang yang terhutang kepada Tabung berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dipinjam di bawah subseksyen (1).

(5) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis sesuatu pihak berkuasa berkanun boleh mengeluarkan apa-apa bon, nota janji hutang dan suratcara-suratcara lain atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan apa-apa perjanjian yang boleh dibuat olehnya dengan Tabung berkenaan dengan apa-apa peminjaman di bawah subseksyen (1).

Penggunaan wang peminjaman oleh pihak berkuasa berkanun.

6. Semua wang yang dipinjam oleh pihak berkuasa berkanun di bawah seksyen 5(1) hendaklah digunakan oleh pihak berkuasa berkanun itu bagi maksud-maksud yang baginya wang itu dipinjam:

Dengan syarat bahawa jika apa-apa bahagian wang itu tidak boleh digunakan bagi maksud-maksud yang disebut terdahulu bahagian itu bolehlah digunakan oleh pihak berkuasa berkanun itu bagi apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Menteri dan Tabung.

Kuasa Kerajaan untuk menjamin pinjaman oleh Tabung kepada pihak-pihak berkuasa berkanun.

7. (1) Kerajaan boleh mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dipersetujui di antaranya dengan Tabung—

(a) menjamin penunaian oleh sesuatu pihak berkuasa berkanun akan obligasinya di bawah apa-apa perjanjian yang dibuat oleh pihak berkuasa berkanun itu dengan Tabung berkenaan dengan apa-apa peminjaman di

bawah seksyen 5(1) atau di bawah apa-apa bon, nota janji hutang atau suratcara lain yang dikeluarkan menurut mana-mana perjanjian sedemikian; dan

- (b) mengakujanji apa-apa obligasi lain sebagaimana yang dipersetujui di antara Kerajaan dengan Tabung berhubungan dengan atau menurut mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang atau suratcara sedemikian.

(2) Apa-apa jaminan atau akujanji yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah diberi secara bertulis atas nama Kerajaan Malaysia dan jaminan atau akujanji itu dan apa-apa pengindorsan pada mana-mana bon, nota janji hutang atau suratcara jaminan lain yang diberi di bawah seksyen ini boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri atau oleh mana-mana orang atau orang-orang yang diberikuasa secara bertulis oleh Menteri.

(3) Suatu salinan penyata mengenai apa-apa jaminan atau akujanji yang disebut dalam seksyen ini hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

8. Selagi Kerajaan akan terus bertanggung di bawah apa-apa jaminan atau akujanji lain yang diberi di bawah seksyen 7(1), pihak berkuasa berkanun itu tidak boleh, kecuali dengan persetujuan Menteri, menjalankan apa-apa kuasa meminjam yang lain yang ada padanya.

Sekatan ke atas kuasa-kuasa memmjam bagi pihak berkuasa berkanun selagi jaminan masih belum selesai.

9. (1) Jika dijadikan nyata kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa terdapat sebab-sebab yang munasabah mempercayai—

Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan jika berlaku atau dijangka-kan berlaku kelngkaran oleh pihak berkuasa. berkanun.

- (a) bahawa sesuatu pihak berkuasa berkanun mungkin akan gagal atau tidak berupaya menunaikan apa-apa obligasinya di bawah mana-mana perjanjian yang dibuat olehnya dengan Tabung atau di bawah mana-mana bon, nota janji hutang atau suratcara lain yang dikeluarkan menurut mana-mana perjanjian sedemikian; dan

- (b) bahawa Kerajaan adalah atau boleh menjadi bertanggung di bawah mana-mana jaminan atau akujanji lain yang diberi di bawah seksyen 7(1) berkenaan dengan obligasi tersebut,

Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah, memberi atau memberi kuasa mana-mana orang lain untuk memberi apa-apa arahan kepada pihak berkuasa berkanun itu sebagaimana yang difikirkan olehnya atau oleh mana-mana orang lain itu perlu atau suaimanfaat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa perkiraan yang memuaskan dibuat oleh pihak berkuasa berkanun itu untuk membolehkannya menunaikan obligasinya di bawah mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang atau suratcara tersebut atau di bawah Akta ini.

(2) Pihak berkuasa berkanun itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang menurutnya ia ditubuhkan, mematuhi apa-apa arahan yang diberi oleh atau di bawah mana-mana perintah sedemikian.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh atau mengurangkan apa-apa kuasa lain yang diberi oleh undang-undang bertulis kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Menteri atau pegawai awam berkenaan dengan pihak berkuasa berkanun itu.

Pihak berkuasa berkanun hendaklah membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dibayar di bawah jaminan.

10. (1) Jika apa-apa wang dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh Kerajaan di bawah suatu jaminan atau akujanji lain yang diberi pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 7(1), maka pihak berkuasa berkanun itu hendaklah membayar balik jumlah wang itu (berserta dengan bunga atasnya mengikut kadar yang sama seperti yang kena dibayar atas pinjaman di bawah perjanjian oleh pihak berkuasa berkanun itu dan Tabung) kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa atau dengan apa-apa ansuran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

atau akujanji yang diberi berkenaan dengan mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang atau suratcara tersebut oleh Kerajaan atau sesuatu pihak berkuasa berkanun hendaklah sah dan boleh dikuatkuasakan dan mempunyai kuatkuasa dan kesan yang sepenuhnya dalam Malaysia mengikut terma-termanya masing-masing.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1)—

*Akta 53.*  
*Akta 59*

(a) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa apa-apa cukai atau duti yang masing-masing kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, atau Akta Setem 1949, hendaklah diremitkan jika remitan itu perlu bagi melaksanakan sepenuhnya dan secukupnya mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang, suratcara atau jaminan tersebut;

*Akta 17.*

(b) tiada apa-apa jua dalam Akta Kawalan Pertukaran 1953 terpakai bagi apa-apa urusan yang dikehendaki bagi melaksanakan pembayaran dengan apa-apa mata wang bagi apa-apa jumlah wang mengikut terma apa-apa perjanjian, suratcara, bon atau jaminan sedemikian dalam apa-apa mata wang.

(3) Kerajaan atau mana-mana agensinya atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau Bank Negara Malaysia tidak boleh, kecuali sebagaimana yang dipersetujui selainnya di antara Menteri dengan Tabung, mewujudkan apa-apa lien ke atas mana-mana asetnya sebagai cagaran bagi apa-apa hutang luar negeri melainkan jika diperuntukkan dengan nyata bahawa lien itu akan *ipso facto* secara sama dan dengan mengikut kadar menjamin pembayaran—

(a) wang pokok bagi mana-mana pinjaman; dan

(b) bunga dan caj-caj lain atas mana-mana pinjaman; atau

PINJAMAN (TABUNG ANTARABANGSA BAGI 11  
PEMBANGUNAN PERTANIAN)

(c) apa-apa bon, nota janji hutang atau suratcara yang dikeluarkan menurut apa-apa pinjaman,

yang diberi oleh Tabung kepada Kerajaan atau kepada sesuatu pihak berkuasa berkanun.

(4) Dalam subseksyen (3)—

"hutang luar negeri" ertinya apa-apa hutang yang kena dibayar dalam apa-apa cara selain daripada mata wang yang pada masa berkenaan itu sah diperlakukan bagi pembayaran hutang persendirian dan hutang awam di Malaysia sama ada hutang itu kena dibayar secara mutlak atau atas opsyen pemiutang dalam apa-apa media lain;

"lien" termasuklah gadai-janji, sandaran, gadaian, keistimewaan dan apa jua jenis prioriti.

(5) Bagi maksud-maksud subseksyen (3) aset Kerajaan termasuklah apa-apa hak, kepentingan atau syer yang dimiliki atau mungkin dimiliki oleh Kerajaan dalam Kumpulan Wang Mata Wang atau mana-mana bahagian asetnya, yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Mata Wang Tanah Melayu British Borneo 1950.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memperbuat undang-undang bagi tujuan membolehkan Malaysia atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu mendapat pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian.

2. *Fasal 1* memperuntukkan mengenai tajuk ringkas dan pemakaian Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

4. *Fasal 3* memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia untuk meminjam daripada Tabung dan memerlukan wang yang dipinjam oleh Kerajaan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

Ia juga mengadakan peruntukan menghendaki apa-apa perjanjian pinjaman di antara Kerajaan dengan Tabung dibuat di atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri atau oleh sesiapa sahaja yang diberikuasa oleh Menteri. Ia juga memerlukan segala perjanjian pinjaman yang dibuat dengan Tabung dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

5. *Fasal 4* memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengeluarkan bon, nota janji hutang atau suratcara-suratcara lain untuk melaksanakan terma-terma perjanjian dengan Tabung.

6. *Fasal 5* memberi kuasa kepada pihak berkuasa berkanun untuk meminjam daripada Tabung dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri. Ia juga membuat peruntukan bagi pihak berkuasa berkanun menggadaikan segala harta bagi menjamin wang yang terhutang kepada Tabung dan juga mengeluarkan bon, nota janji hutang dan suratcara bagi melaksanakan perjanjian yang dibuat dengan Tabung.

7. *Fasal 6* menyatakan penggunaan wang pinjaman oleh pihak berkuasa berkanun.

8. *Fasal 7* memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menjamin pinjaman yang dibuat daripada Tabung oleh pihak-pihak berkuasa berkanun. Ia juga menghendaki segala jaminan diberi secara bertulis atas nama Kerajaan Malaysia dan ditandatangani oleh Menteri atau sesiapa yang diberikuasa oleh Menteri dan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

9. *Fasal 8* menggariskan sekatan ke atas kuasa-kuasa meminjam bagi pihak berkuasa berkanun selagi jaminan masih belum selesai.

10. *Fasal 9* menyatakan kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan jika berlaku atau dijangkakan berlaku keingkaran oleh pihak berkuasa berkanun.

11. *Fasal 10* menghendaki pihak berkuasa berkanun membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dibayar di bawah jaminan.

12. *Fasal 11* menghendaki apa-apa pertikaian di antara Tabung dengan Kerajaan atau dengan pihak berkuasa berkanun atau keduanya mengenai mana-mana perjanjian, diputuskan melalui timbangtara.

13. *Fasal 12* menyatakan perkara-perkara yang akan membolehkan Kerajaan dan pihak berkuasa berkanun melaksanakan obligasi mereka di bawah Perjanjian.

PINJAMAN (TABUNG ANTARABANGSA BAGI 13  
PEMBANGUNAN PERTANIAN)

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1669.]